




UNIVERSITI ISLAM PAHANG  
SULTAN AHMAD SHAH  
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بيهانج  
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH



# GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS DAN DISERTASI EDISI 2

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

# **GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS DAN DISERTASI**



**UNIVERSITI ISLAM PAHANG  
SULTAN AHMAD SHAH**  
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية ببهاجنج  
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

**PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH  
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

**2021**

Edisi Kedua 2021

Hak Cipta Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula,  
disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk  
atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik,  
gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis  
daripada Pusat Pengurusan Siswazah, UnIPSAS terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh  
PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang Malaysia

Panduan ini mengandungi garis panduan dan peraturan penulisan tesis dan disertasi bagi Pusat Pengurusan Siswazah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). Calon siswazah perlu mematuhi semua peraturan ini. UnIPSAS berhak meminda peraturan ini dari semasa ke semasa.

Disusun oleh:

Dr. Norahida binti Mohamed  
Dr. Muhammad Hafiz bin Yaakub  
Dr. Muhamad Fadly bin Ismail  
Dr. Ahmad Effat bin Mokhtar  
Dr. Mohamad Zulfakhairi bin Mokhtar  
Ainuddin bin Kamaruddin  
Zuraini Mohamad

**ALU-ALUAN NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

*Assalamu'alaikum Wrt. dan Salam Sejahtera,*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para tabi'in yang mengikut jejak langkah baginda Rasul SAW hingga ke hari kiamat.

Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan kurnia-Nya, Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi dapat diterbitkan oleh Pusat Pengurusan Siswazah UnIPSAS.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada Pusat Pengurusan Siswazah, jawatankuasa panduan penulisan tesis serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penggubalan dan penerbitan Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi UnIPSAS edisi yang kedua.

Garis panduan yang disediakan ini merupakan rujukan utama yang perlu diguna pakai oleh pelajar dalam penulisan tesis. Diharapkan garis panduan ini dapat membantu pelajar-pelajar pascasiswazah di UnIPSAS untuk menulis tesis mengikut standard yang telah ditetapkan. Saya juga yakin, bimbingan dan kerjasama penyelia dalam penulisan tesis dapat membantu pelajar menghasilkan penulisan ilmiah yang baik dan berkualiti.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menggubal panduan penulisan ini sehingga berjaya menghasilkan satu panduan yang lebih sistematik dan mudah difahami. Saya juga mengalu-alukan sebarang cadangan bagi penambahbaikan garis panduan ini.

Sekian, *wassalam.*

**PROF. MADYA DATO' DR. MOHD ZAWAVI BIN ZAINAL ABIDIN**  
Naib Canselor  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Disember 2021

## **PRAKATA**

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi ini berjaya diterbitkan. Garis Panduan merupakan rujukan utama calon pascasiswazah Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) untuk menulis tesis dan disertasi berdasarkan format yang telah ditetapkan.

Penyediaan Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi merupakan satu langkah penting bagi memastikan setiap tesis dan disertasi yang dihasilkan berkualiti, diakui serta mempunyai nilai akademik yang tinggi sejajar dengan kecemerlangan penyelidikan yang menjadi antara misi utama penubuhan UnIPSAS. Sehubungan dengan itu, setiap calon pascasiswazah dikehendaki mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

Garis panduan ini bukan hanya menjadi rujukan utama bagi calon pascasiswazah UnIPSAS tetapi ia juga amat berguna kepada seluruh ahli akademik yang terlibat dalam penyelidikan dan penulisan ilmiah.

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Pusat Pengurusan Siswazah UnIPSAS ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa yang terlibat atas usaha menyediakan Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh calon pascasiswazah dan ahli akademik. Pihak Pusat Pengurusan Siswazah sentiasa mengalu-alukan cadangan bagi penambahbaikan garis panduan ini.

Sekian, terima kasih

**DR. SAFIAH BINTI ABD RAZAK**

Pengarah

Pusat Pengurusan Siswazah

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

## **KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>1</b>
<b>BAB 1: KEPERLUAN AM</b>	
1.1    Pendahuluan	2
1.2    Bahasa	2
1.3    Penyerahan Tesis	2
1.4    Simpanan Naskhah Disertasi/Tesis	3
1.5    Hak Milik Universiti	3
1.6    Plagiarisme	3
1.7    Syarat Penganugerahan Ijazah	3
 <b>BAB 2: SPESIFIKASI FORMAT TESIS</b>	
2.1    Jenis Huruf dan Saiz	4
2.2    Jidar (Margin)	4
2.3    Selang Baris	4
2.4    Penomboran Halaman	5
2.5    Penomboran Bab dan Subseksyen	6
2.6    Kertas	6
2.7    Penjilidan, Warna Kulit dan Keterangan pada Kulit	6
2.8    Salinan Cakera Padat	8
2.9    Reka letak Halaman ( <i>Layout</i> )	8
2.10   Panjang Tesis/Disertasi	8
 <b>BAB 3: FORMAT PENULISAN TESIS</b>	
3.1    Susun Atur Tesis	9
3.2    Tajuk Disertasi/Tesis	10
3.3    Awalan	10
3.4    Susunan Bab	12
3.5    Akhiran	21

## **BAB 4: GAYA PENULISAN**

4.1	Unit Ukuran	24
4.2	Penggunaan Angka	24
4.3	Penggunaan Simbol Peratus	24
4.4	Petikan Dalam Teks	24
4.5	Contoh Penulisan Teks	28

## **BAB 5: PLAGIARISME**

5.1	Pengenalan	30
5.2	Plagiarisme	30

LAMPIRAN A1	32
LAMPIRAN A2	33
LAMPIRAN B	34
LAMPIRAN C1	35
LAMPIRAN C2	36
LAMPIRAN C3	37
LAMPIRAN D	38
LAMPIRAN E	39
LAMPIRAN F	41
LAMPIRAN G	42
LAMPIRAN H	43
LAMPIRAN I	44
LAMPIRAN J	45
LAMPIRAN K	46

## **1. NAMA**

Garis panduan ini dinamakan Buku Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi UnIPSAS.

## **2. TUJUAN**

Tujuan garis panduan ini dihasilkan adalah untuk:

- a) membantu pelajar pascasiswazah untuk menulis disertasi/tesis dengan mengikuti format yang betul.
- b) menjelaskan konsep yang perlu ada dalam penulisan disertasi/tesis.
- c) memberi panduan kepada penyelia dan Pusat Pengurusan Siswazah (PPS) dalam memberikan pandangan yang sama terhadap penulisan disertasi/tesis.
- d) menyediakan template standard yang perlu digunakan oleh pelajar dalam penulisan disertasi/tesis.
- e) menjadi panduan bagi penulisan kertas kerja kursus tetapi tertakluk kepada bidang pengajian masing-masing.

## **3. TAKRIFAN**

Dalam garis panduan ini, berikut adalah butiran takrifan melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna lain:

- a) “Tesis” ertiannya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran atau Ijazah Sarjana secara penyelidikan;
- b) “Disertasi” ertiannya dokumen penyelidikan yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara mod campuran;
- c) “Calon/Pelajar” ertiannya seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pascasiswazah di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).
- d) “Penyelia” ertiannya pensyarah atau pegawai Universiti yang dilantik untuk menyelia, memantau kemajuan pelajar dan penulisan penyelidikan pelajar.
- e) “Disertasi/Tesis Lengkap” ertiannya naskhah berjilid keras yang telah melalui proses pembaikan.

## **BAB 1: KEPERLUAN AM**

### **1.1 Pendahuluan**

Garis Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) ini dihasilkan sebagai rujukan dalam penyediaan tesis dan disertasi calon siswazah. Ia mengandungi aspek-aspek teknikal berkaitan format tesis, gaya penulisan yang berkaitan, serta perkara yang diperlukan untuk penyerahan akhir sesebuah tesis atau disertasi. Bagi menjamin reputasi akademik UnIPSAS, garis panduan ini perlu diikuti oleh calon bagi memastikan tesis yang dihasilkan menepati piawaian akademik yang ditetapkan.

### **1.2 Bahasa**

Bahasa yang digunakan untuk penulisan tesis ini adalah sama ada:

- a) Bahasa Melayu
- b) Bahasa Inggeris
- c) Bahasa Arab

Bahasa yang digunakan perlu konsisten dalam keseluruhan tesis.

### **1.3 Penyerahan Tesis**

Calon perlu menyerahkan tesis lengkap setelah diperiksa dan diperbaiki mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Siswazah (PPS).

- a) Proses penyerahan tesis

Calon yang hendak menyerahkan tesis perlu melakukan perkara berikut:

- i. Menyerahkan borang Notis Penyerahan Tesis/Disertasi kepada PPS sekurang-kurangnya TIGA (3) bulan sebelum penyerahan tesis;
- ii. Menyerahkan borang Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan yang telah lengkap diisi beserta EMPAT (4) salinan tesis berjilid lembut;
- iii. Setelah lulus dalam peperiksaan lisan tesis (*viva voce*), calon perlu menyerahkan satu salinan cerai (*loose copy*) tesis yang telah dibuat pembetulan bersama senarai pembetulan. Calon perlu menggunakan borang Pengesahan Pembetulan Tesis dan diserahkan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

#### **1.4 Simpanan Naskhah Disertasi/Tesis**

Empat (4) naskhah disertasi/tesis berjilid keras dan satu (1) keping salinan cakera padat (CD) format PDF perlu diserahkan oleh pelajar kepada pihak berikut:

- i. Satu keping salinan cakera padat (CD) bersama satu naskhah berjilid keras disimpan di perpustakaan Universiti.
- ii. Satu naskhah berjilid keras disimpan di PPS.
- iii. Satu naskhah berjilid keras diserahkan kepada Fakulti.
- iv. Satu naskhah berjilid keras diserahkan kepada Penyelia

#### **1.5 Hak Milik Universiti**

Semua tesis menjadi hak milik kekal Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, iaitu hak cipta bentuk asal dipunyai oleh universiti, bukan oleh penulis tesis. Sebarang penerbitan yang melibatkan tesis atau sebahagian daripadanya perlu mendapat kebenaran daripada pihak Universiti.

#### **1.6 Plagiarisme**

Pihak Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah memberikan kemudahan penggunaan perisian *Turnitin* dalam menangani masalah plagiarisme. Untuk tujuan penghantaran draf tesis bagi peperiksaan lisan (*Viva Voce*), calon dikehendaki untuk menghantar satu salinan keputusan *Turnitin* (tidak melebihi 30%) yang telah disahkan oleh penyelia kepada PPS. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan peperiksaan lisan (*Viva Voce*) tidak akan dilaksanakan.

#### **1.7 Syarat Penganugerahan Ijazah**

Calon dikehendaki memenuhi syarat di atas bagi membolehkan mereka menerima ijazah masing-masing. Universiti tidak akan menganugerahkan ijazah kepada calon yang gagal berbuat demikian.

## **BAB 2: SPESIFIKASI FORMAT TESIS**

### **2.1 Jenis Huruf dan Saiz**

Calon hendaklah menggunakan huruf Times New Roman bersaiz 12 poin dalam keseluruhan tesis, tajuk dan nombor halaman. Bagi calon yang menulis menggunakan tulisan Arab/Jawi, huruf Traditional Arabic bersaiz 18 poin sahaja yang dibenarkan. Huruf tidak boleh diskripkan (*scripted*) atau dicondongkan (*italicised*) kecuali bagi nama saintifik atau istilah dalam Bahasa lain. Tajuk mestilah ditulis menggunakan huruf tebal (*bold*). Saiz huruf bagi nota kaki dan teks dalam jadual dan rajah tidak boleh kurang daripada 10 poin untuk tulisan Rumi dan 14 poin untuk tulisan Arab (Traditional Arabic).

### **2.2 Jidar (Margin)**

Semua bahan terkandung dalam dokumen termasuk teks, jadual dan rajah mestilah mengikut spesifikasi jidar yang telah ditetapkan.

Atas	: 2.50 cm
Bawah	: 2.50 cm
Kiri	: 4.00 cm
Kanan	: 2.50 cm

### **Bahasa Arab**

Atas	: 2.50 cm
Bawah	: 2.50 cm
Kiri	: 2.50 cm
Kanan	: 4.00 cm

### **2.3 Selang Baris**

Tesis hendaklah ditaip selang dua baris. Teks perlu ditaip santak kiri kanan (*justify*). Bagi membezakan antara perenggan, calon perlu memulakan perenggan dengan santak kiri bagi tulisan Rumi dan santak kanan bagi tulisan Arab/Jawi tanpa sebarang ensotan (tab). Setiap perenggan dibezakan dengan dua langkau (*enter*).

Walau bagaimanapun, teks bagi perkara berikut hendaklah ditaip selang satu baris:

- i. Nota kaki penjelasan (jika benar-benar diperlukan);
- ii. petikan yang melebihi tiga baris dalam satu blok;
- iii. rujukan atau bibliografi (kecuali antara setiap item rujukan);
- iv. tajuk yang melebihi satu baris (jadual, rajah);
- v. lampiran seperti soal selidik, surat; dan
- vi. tajuk dan subtajuk.

Panduan menggunakan langkauan yang lain turut meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Jarak langkauan antara birai sebelah atas dan nombor bab adalah langkau tiga ke bawah dari baris pertama.
- ii. Langkau tiga digunakan antara nombor bab dan tajuk dan antara tajuk serta baris pertama teks.
- iii. Langkau dua digunakan antara tajuk sub seksyen dan baris pertama teks untuk sub seksyen berkenaan.
- iv. Langkau dua juga digunakan antara baris terakhir teks dan jadual, atau rajah, atau ilustrasi.
- v. Sekurang-kurangnya langkau satu aksara hendaklah digunakan antara tanda koma ‘,’ atau tanda noktah ‘.’ dengan huruf pertama bagi ayat seterusnya di dalam perenggan yang sama. Walau bagaimanapun, tiada langkau diperlukan antara huruf terakhir bagi ayat sebelumnya di dalam perenggan yang sama dengan tanda koma atau tanda noktah.

\*Tajuk bagi bab perlu ditaip di tengah antara birai sebelah kiri dan kanan. Setiap bab mesti dimulakan pada halaman muka surat yang baru.

## 2.4 Penomboran Halaman

Tesis perlu dicetak pada satu halaman muka surat sahaja pada setiap helaian kertas. Kesemua halaman muka surat di dalam disertasi/tesis perlu dinomborkan secara berturut termasuklah halaman yang mengandungi jadual, rajah dan lampiran. Nombor muka surat perlu diletakkan di sebelah kanan halaman pada birai sebelah bawah, iaitu 1.25 cm @ 0.5 inci dari sisi bawah dan 2.54 cm @ 1 inci dari sisi kanan menggunakan fon *Times New Roman* saiz 12 atau *Traditional Arabic* 18. Nombor halaman perlu berdiri sendiri tanpa sebarang penggunaan tanda kurungan ‘( )’, tanda sempang ‘/’, tanda sengkang ‘-’ atau apa-apa imej dekoratif.

Penomboran muka surat mestilah seperti berikut:

- i. Halaman-halaman awalan sebelum Bab 1 mesti dinomborkan dalam bentuk nombor Roman kecil (seperti ii, iii dan iv).
- ii. Halaman judul tidak perlu dinomborkan walaupun ia diambilkira sebagai halaman muka surat bernombor i.
- iii. Setiap halaman yang mengandungi tajuk bab juga perlu dinomborkan. Sebagai contoh, muka surat 1 adalah halaman pertama bagi Bab 1 Pengenalan.
- iv. Setiap lampiran yang ingin disertakan perlu dilabel dengan huruf, sebagai contoh, Lampiran A, atau Lampiran B dan dinomborkan mengikut huruf lampiran tersebut.
- v. Halaman bibliografi perlu dinomborkan dan penomboran adalah sambungan daripada muka surat terakhir disertasi/tesis calon. Contohnya, nombor muka surat terakhir disertasi/tesis calon ialah 100, jadi nombor muka surat untuk halaman pertama senarai bibliografi ialah 101.

## **2.5 Penomboran Bab dan Subseksyen**

Kesemua bab dan subseksyen mesti dilabel dan dinomborkan. Penomboran bab hendaklah menggunakan angka iaitu Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan seterusnya.

Setiap subseksyen perlu disantak dan disusun secara teratur tetapi tidak boleh melebihi empat aras (tiga titik perpuluhan) seperti contoh berikut:

- 1.1 Aras kedua (Tajuk subseksyen)
- 1.1.1 Aras ketiga (Tajuk subseksyen subseksyen)
- 1.1.1.1 Aras keempat (Tajuk subseksyen)

Jika panjang tajuk bab atau mana-mana aras melebihi satu baris, langkau dua akan digunakan sama seperti langkauan yang digunakan antara baris dalam teks.

## **2.6 Kertas**

Tesis hendaklah dicetak pada sebelah halaman sahaja untuk setiap kertas. Hanya cetakan asal teks atau hasil penduaan (fotokopi) yang berkualiti tinggi diterima. Kertas hendaklah bersaiz A4 (210 mm x 297 mm, 80g) berwarna putih dan berkualiti tinggi. Ilustrasi fotografi perlu dicetak menggunakan pencetak laser berwarna pada kertas beresolusi tinggi dan berkualiti.

## **2.7 Penjilidan, Warna Kulit dan Keterangan pada Kulit**

Tesis hendaklah dijilid lembut bagi tujuan peperiksaan dan hanya boleh dijilid keras

selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Semua salinan perlu diperiksa mengikut Senarai Semak PPS bagi memastikan semua keperluan universiti dipenuhi.

### 2.7.1 Kod Warna

Jika semuanya telah berada dalam keadaan yang memuaskan, disertasi/tesis perlu dijilid dengan kulit keras mengikut warna-warna tertentu mengikut program pengajian tertentu. Huruf-huruf yang membentuk keterangan pada kulit keras pula mesti berwarna emas.

Program Pengajian	Kulit Keras
	Warna
Doktor Falsafah	Biru Tua
Sarjana	Hitam

\*warna kulit bergantung juga kepada penetapan semasa

### 2.7.2 Kulit Luar Disertasi/Tesis

Keterangan pada kulit luar mesti dicetak menggunakan tulisan huruf besar yang berwarna emas sepenuhnya dan perlu *hot stamping*, fon *Times New Roman* bersaiz 18 atau *Traditional Arabic* 26, dan ditaip selang satu baris serta mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Tajuk disertasi/tesis disusun di atas;
- ii. Nama pelajar;
- iii. Nama universiti; dan
- iv. Tahun penyerahan disertasi/tesis.

\*Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN A1**.

### 2.7.3 Tulang Disertasi/Tesis

Keterangan pada tulang disertasi/tesis mesti dicetak menggunakan tulisan huruf besar yang berwarna emas sepenuhnya dan perlu *hot stamping*, fon *Times New Roman* bersaiz 18 atau *Traditional Arabic* 26 dan mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Nama pelajar;
- ii. Nama program pengajian; dan
- iii. Tahun penyerahan disertasi/tesis.

\*Terdapat sedikit perbezaan bagi susun atur keterangan pada tulang belakang bergantung kepada ketebalan disertasi/tesis. Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN A2**.

## **2.8 Salinan Cakera Padat**

Pelajar juga perlu menyediakan sekeping (1) keping salinan cakera padat (CD) dalam format PDF untuk dihantar bersama naskhah disertasi/tesis berjilid. CD perlu dilabel dengan lengkap dengan keterangan berikut:

- i. Nama pelajar;
- ii. Tajuk disertasi/tesis;
- iii. Tahun penyerahan disertasi/tesis;
- iv. Nama program pengajian.

## **2.9 Reka letak Halaman (*Layout*)**

Reka letak halaman perlu berada dalam susunan menegak (*portrait*). Walau bagaimanapun, susunan melintang (*landscape*) boleh digunakan untuk rajah dan jadual.

## **2.10 Panjang Tesis/Disertasi**

Bilangan perkataan yang dinyatakan di bawah ialah bilangan perkataan dalam teks sahaja, tidak termasuk jadual, rajah, nota kaki dan lampiran. Jumlah yang dinyatakan hanyalah sebagai panduan kerana sesetengah disertasi/tesis mungkin memerlukan perkataan yang lebih atau kurang daripada jumlah yang dinyatakan. Calon perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada PPS sebelum menyerahkan tesis yang panjangnya kurang atau lebih daripada jumlah perkataan ditetapkan.

<b>Mod</b>	<b>PhD</b>	<b>Sarjana</b>
Kerja Kursus	-	10 000 - 20 000 perkataan
Penyelidikan dan kerja kursus (mixed mode)	50 000 - 80 000 perkataan	20 000 – 40 000 perkataan
Penyelidikan	60 000 - 100 000 perkataan	30 000 - 60 000 perkataan

## BAB 3: FORMAT PENULISAN TESIS

Umumnya, tesis dan disertasi mempunyai tiga bahagian utama iaitu halaman awalan, kandungan tesis (bab dan bahagian) dan halaman akhiran. Halaman awalan mengandungi halaman judul, borang akuan, penghargaan, perakuan, abstrak (dalam kedua-dua bahasa Inggeris/bahasa Arab dan bahasa Melayu), senarai kandungan, senarai jadual, rajah, dan singkatan. Halaman akhiran pula terdiri daripada rujukan dan lampiran.

### 3.1 SUSUN ATUR TESIS

Setiap tesis mengandungi beberapa bahagian yang disusun mengikut urutan seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Susun atur tesis

Bil.	Perkara	Catatan
1.	Halaman Judul	Halaman ini tidak dinomborkan tetapi dikira sebagai 1 atau i. Halaman seterusnya hendaklah dinomborkan secara berturutan (jenis 1 dan 2) dan disenaraikan dalam Kandungan.
2.	Abstrak - Abstrak Bahasa Melayu - Abstrak Bahasa Inggeris - Abstrak Bahasa Arab	Dinomborkan dengan angka roman kecil
3.	Penghargaan	Dinomborkan dengan angka roman kecil
4.	Pengisyiharaan Status Disertasi/Tesis	Dinomborkan dengan angka roman kecil
5.	Pengakuan	Dinomborkan dengan angka roman kecil
6.	Senarai Kandungan	Dinomborkan dengan angka roman kecil
7.	Senarai Jadual	Dinomborkan dengan angka roman kecil
8.	Senarai Rajah	Dinomborkan dengan angka roman kecil
9.	Senarai Singkatan	Dinomborkan dengan angka roman kecil
10.	Transliterasi (pengalihan aksara daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu)	Dinomborkan dengan angka roman kecil
11.	Kandungan Tesis (bab-bab)	Dinomborkan dengan angka Arab, bermula dengan 1.
12.	Rujukan	Nombor halaman adalah sambungan daripada halaman terakhir disertasi/tesis
13.	Lampiran	Nombor halaman adalah sambungan daripada halaman terakhir rujukan.

### **3.2 TAJUK DISERTASI/TESIS**

Tajuk disertasi/tesis hendaklah pendek dan dapat menyampaikan maksud/tujuan penyelidikan. Panjang tajuk tidak boleh melebihi 20 patah perkataan.

### **3.3 AWALAN**

3.3.1 Halaman judul mengandungi maklumat yang disusun seperti berikut:

- i. Judul penuh disertasi/tesis
- ii. Nama penuh pelajar
- iii. Nama ijazah yang dikemukakan
- iv. Nama fakulti
- v. Nama universiti
- vi. Tahun penyerahan

\*Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN B**

3.3.2 Abstrak

Abstrak perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Permasalahan Kajian
- ii. Objektif Kajian
- iii. Metodologi
- iv. Dapatan Kajian
- v. Implikasi/Sumbangan Kajian

Abstrak hendaklah ditulis antara 300 hingga 500 patah perkataan dalam satu perenggan dan ditulis dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Bagi disertasi/tesis yang ditulis dalam bahasa Melayu, tajuk dan terjemahan abstrak perlu diterjemah dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab dan sebaliknya. Abstrak mesti ditulis dalam langkauan sebaris. Sila rujuk contoh abstrak bahasa Melayu di **LAMPIRAN C1** dan abstrak bahasa Inggeris di **LAMPIRAN C2** dan bahasa Arab **LAMPIRAN C3** bagi tesis yang ditulis dalam bahasa Melayu.

3.3.3 Penghargaan

Penghargaan dirakamkan kepada orang perseorangan atau organisasi yang telah memberikan bantuan secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan disertasi/tesis. Penghargaan ditulis dalam langkauan sebaris. Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN D**.

### 3.3.4 Perakuan Keaslian Penulisan

Perakuan keaslian disertasi/tesis perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Pengesahan Penyerahan Disertasi/Tesis seperti di **LAMPIRAN E**. Jika disertasi/tesis diklasifikasikan sebagai sulit atau terhad, perpustakaan tidak dibenarkan membuat jualan terhadap disertasi/tesis berkenaan. Sekiranya penulis mengkelaskan disertasi/tesis sebagai tidak terhad, pihak universiti akan menganggap disertasi/tesis ini sebagai tidak terhad dan pihak UnIPSAS berhak untuk menggunakan bagi sebarang tujuan sama ada untuk percetakan atau perkara lain. Borang ini tidak perlu diletakkan sekali dalam disertasi/tesis tetapi dihantar bersama dengan disertasi/tesis ke Perpustakaan UnIPSAS. Calon perlu sentiasa memastikan borang yang digunakan adalah terkini dengan merujuk PPS.

### 3.3.5 Pengesahan Penyerahan Tesis dan Disertasi

Pengakuan hendaklah ditulis seperti mana dalam **LAMPIRAN F**.

### 3.3.6 Senarai Kandungan

Senarai Kandungan terdiri daripada semua topik dan sub-topik dalam tesis/disertasi mengikut turutan. **LAMPIRAN G**.

### 3.3.7 Senarai Jadual

Halaman ini mengandungi senarai semua jadual yang dimuatkan dalam tesis. Maklumat jadual yang diperlukan dinyatakan adalah nombor jadual, tajuk jadual serta muka surat jadual tersebut. Senarai jadual mestilah ditulis mengikut urutan bab. Walau bagaimanapun, jika pada keseluruhan disertasi/tesis hanya mengandungi satu atau dua jadual, maka senarai Jadual tidak perlu. Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN H**.

### 3.3.8 Senarai Rajah

Semua bahan ilustrasi yang disertakan dalam teks seperti carta, graf, lukisan, peta, imej bercetak, gambar rajah dan fotograf disebut sebagai ‘Rajah’. Senarai rajah ini mengandungi semua nombor rajah, tajuk rajah beserta muka surat yang dimuatkan dalam disertasi/tesis. Senarai rajah mesti ditulis mengikut urutan bab. Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN I**.

### 3.3.9 Senarai Singkatan

Halaman ini menyenaraikan simbol, singkatan, tatanama dan istilah yang terdapat dalam teks. Urutan bagi penulisan adalah seperti berikut:

Huruf Roman	-	ikut abjad
Huruf Greek	-	ikut abjad
Superskrip	-	ikut abjad
Subskrip	-	ikut abjad

Untuk mendapat keterangan lanjut berkenaan ejaan dan kata singkatan, pelajar digalakkan untuk merujuk kepada Gaya Dewan Bahasa dan Pustaka. Sila rujuk contoh di **LAMPIRAN J**.

### 3.3.10 Transliterasi

Transliterasi ialah penukaran huruf daripada abjad sesuatu tulisan terutamanya tulisan Arab kepada huruf yang selaras bunyinya dalam abjad sistem tulisan Rumi. Calon dikehendaki menggunakan transliterasi yang ditetapkan oleh UnIPSAS. Contoh transliterasi adalah seperti di **LAMPIRAN K**.

## 3.4 SUSUNAN BAB

### 3.4.1 Kandungan Bab

Kandungan dalam disertasi/tesis hendaklah mengandungi bab-bab yang diberikan judul dan setiap judul hendaklah mencerminkan kandungan bab berkenaan. Setiap bab hendaklah dimulakan pada halaman baharu. Bab boleh dikembangkan kepada bahagian yang diberikan sub-judul. Judul dan sub-judul perlu diberikan nombor. Jumlah bab dalam disertasi/tesis tidak terhad. Secara umumnya sesuatu disertasi/tesis akan mempunyai struktur seperti berikut:

- i. Pengenalan
- ii. Tinjauan Literatur / Konseptual
- iii. Metodologi
- iv. Dapatan Kajian
- v. Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan

\*Tertakluk kepada topik dan bidang kajian.

### **3.4.1.1 BAB PENGENALAN**

#### **Pendahuluan**

Pengenalan pada isu yang berkaitan dengan penyelidikan secara umum. Huraiannya hendaklah memberi gambaran awal terhadap skop kajian yang dilaksanakan oleh pelajar.

#### **Latar Belakang Kajian**

Menghuraikan secara umum tentang kajian yang dijalankan. Pemerihalan bahagian ini merupakan pencetus kepada gagasan kajian.

#### **Pernyataan Masalah**

Menerangkan apakah isu atau masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Pelajar perlu menjelaskan mengapa kajian tersebut perlu dijalankan berdasarkan hujah dan bukti yang kuat dan munasabah.

#### **Persoalan Kajian**

Mengandungi soalan yang hendak dijawab dalam kajian. Soalan kajian biasanya dibina berdasarkan objektif kajian dan perlu mempunyai kaitan dengan pernyataan masalah.

#### **Objektif Kajian**

Objektif kajian seharusnya spesifik, boleh diukur, kebolehcapaian, realistik dan bersesuaian dengan tempoh kajian. Penulisan objektif perlu dalam bentuk kata kerja yang berkaitan dengan bidang dan tahap kajian masing-masing.

#### **Hipotesis Kajian (jika perlu)**

Menyatakan jangkaan awal pengkaji tentang hasil kajian dan antara sifat penting hipotesis adalah dapat menunjukkan hubung kait antara pemboleh-pemboleh ubah dalam kajian, spesifik, jelas dan boleh diukur.

#### **Kerangka Teori Kajian atau Kerangka Konseptual Kajian**

Menjelaskan aspek berkaitan teori dan/atau konsep yang mendasari kajian daripada sumber-sumber yang berwibawa daripada sarjana/pakar/penyelidik dalam bidang. Sekiranya perlu kerangka ini boleh dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah.

#### **Kepentingan Kajian**

Bahagian ini memperincikan secara jelas impak kajian dan menjelaskan apakah faedah-faedah daripada hasil kajian kepada masyarakat, organisasi, negara dan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji.

### Batasan Kajian

Bahagian ini menerangkan skop dan had kajian.

### Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan istilah-istilah utama dalam konteks kajian.

### Kesimpulan Bab

Membuat kesimpulan konsep, prinsip, idea dan gagasan yang terdapat di dalam bab.

## 3.4.1.2 BAB TINJAUAN LITERATUR

Merupakan penulisan yang kritikal dan analitikal tentang penulisan ilmiah yang telah diterbitkan oleh sarjana dan penyelidik tentang topik yang dikaji. Tujuannya adalah untuk menyampaikan kepada pembaca apakah teori, konsep dan hujah-hujah yang telah digunakan dalam merangka penyelidikan serta membincangkan kekuatan dan kelemahan kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk dan skop kajian ini.

Tinjauan literatur perlu berkisar kepada soalan kajian yang dibentuk. Bahagian ini bukan setakat menyenaraikan bahan-bahan yang diperoleh atau satu himpunan rumusan kajian terdahulu semata-mata. Sebaliknya calon perlu menunjukkan sintesis keputusan dalam bentuk rumusan tentang penyelidikan yang telah diketahui atau tidak diketahui, mengenal pasti kontroversi dalam bidang yang dikaji, dan seterusnya membentuk soalan-soalan kajian yang memerlukan penyelidikan selanjutnya. Hasil tinjauan literatur ini boleh digunakan untuk membantu membentuk rasional kajian, mengenal pasti pemboleh ubah, serta memilih metodologi kajian yang bersesuaian. Ia juga boleh dikaitkan dengan hasil kajian dalam bahagian perbincangan dapatan.

Dicadangkan penulisan bahagian ini terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu:

### Pengenalan

- a) Mengenal pasti topik umum, isu, atau bidang yang menjadi tumpuan, seterusnya menyediakan konteks yang sesuai untuk tinjauan literatur.
- b) Memperlihatkan trend keseluruhan; atau percanggahan dalam teori, metodologi, bukti, dan kesimpulan; atau jurang dalam penyelidikan dan bidang tersebut; atau satu masalah/perspektif baru yang menarik minat penyelidik.

- c) Mengemukakan alasan tentang perlunya membuat tinjauan literatur; menjelaskan kriteria yang digunakan dalam membuat analisis, perbandingan dan menyusun bahan-bahan daripada literatur, dan jika perlu nyatakan mengapa literatur tertentu tidak dimasukkan (skop).

**Utama (Isi)**

- a) Mengumpulkan bahan literatur (penyelidikan, ulasan (*reviews*), artikel teoritikal, kajian kes dan sebagainya) berdasarkan kategori/tema yang sama seperti pendekatan kualitatif atau pendekatan kuantitatif; rumusan penulis; tujuan atau objektif; kronologi dan sebagainya.
- b) Meringkaskan penyelidikan atau artikel selaras dengan kepentingan bahan rujukan berkenaan dalam literatur.
- c) Mengutarakan idea-idea utama di awal perenggan dan di bahagian lain yang strategik bagi membantu pembaca memahami perbandingan serta analisis yang dikemukakan.

**Rumusan**

- a) Merumuskan sumbangan utama kajian berkaitan dan bahan yang dirujuk terhadap bidang kajian yang hendak dikaji. Pelajar perlu fokus kepada persoalan yang dibentuk dalam pengenalan.
- b) Menilai trend terkini bidang ilmu yang hendak dikaji. Calon perlu mengutarakan perkembangan metodologi utama kajian yang dirujuk, menunjukkan jurang yang wujud dalam kajian, teori dan dapatan yang tidak konsisten dan bidang atau isu yang berkaitan dengan kajian yang hendak dikaji.
- c) Membuat kesimpulan dengan menunjukkan perkaitan antara topik utama dalam literatur dengan bidang yang hendak dikaji.

### **3.4.1.3 BAB METODOLOGI**

Bahagian ini berbeza antara satu disertasi/tesis dengan disertasi/tesis yang lain bergantung kepada bidang disiplin ilmu yang dikaji dan ia mungkin tidak ada dalam disertasi/tesis yang berbentuk teoritikal. Bahagian ini mengandungi penerangan dan justifikasi terhadap material, pendekatan teoretikal, reka bentuk eksperimen dan kaedah (termasuk analisis statistik) yang digunakan bagi mencapai objektif penyelidikan. Material dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan perlu diterangkan dengan mendalam dan tepat. Rujukan bagi kaedah dan prosedur yang digunakan perlu dinyatakan. Di bawah adalah contoh penulisan bab metodologi bagi penyelidikan sains sosial. Contoh penulisan bab metodologi di bawah boleh diubahsuai mengikut kesesuaian bidang penyelidikan.

## **Pengenalan**

Pengenalan dalam bab metodologi seharusnya membincangkan apa yang ada dalam bab tersebut secara ringkas. Contohnya, Bahagian Satu memperihalkan tentang reka bentuk kajian. Bahagian Dua menjelaskan tentang populasi dan sampel, manakala Bahagian Tiga instrumen kajian dan sebagainya. Sebaiknya, kaedah yang digunakan ditulis mengikut susunan objektif kajian yang ditetapkan dalam bab pertama.

## **Reka bentuk kajian**

Dalam reka bentuk kajian, sesebuah disertasi atau tesis seharusnya mengandungi maklumat berikut:

- Reka bentuk kajian, seperti contoh penyelidikan kualitatif atau kuantitatif.
- Strategi/Pendekatan/Jenis sama ada teori asas, eksperimen, kajian kes, tinjauan, kajian tindakan, etnografi, analisis teks dan sebagainya.
- Kaedah pengumpulan data sama ada satu keadah, kaedah campuran atau pelbagai kaedah.
- Pengumpulan data bersifat semasa atau jangka masa panjang.

## **Populasi dan sampel**

- Siapa yang dipilih sebagai populasi yang ingin digeneralisasikan oleh kajian?
- Pemilihan sampel daripada populasi.
- Bagaimana memilih sampel – rawak atau bukan rawak, pemilihan melalui kajian lapangan?
- Bagaimana peserta atau kes dipilih, mengapa menggunakan peserta atau kes tersebut dalam kajian ini?
- Mengapa cara tersebut digunakan?
- Berapa ramai/banyak subjek/peserta/kes yang terlibat dalam kajian?

## **Instrumen (Alat Pengukuran)**

- Instrumen ialah alat pengukuran untuk mendapatkan/mengumpul data.
- Data merupakan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik untuk menjawab soalan kajian.
- Instrumentasi merupakan gabungan antara instrumen dan prosedur mengumpul data.
- Instrumen yang dibina sendiri mestilah melalui atau mesti ada pertimbangan dari segi kesahan, kebolehpercayaan, objektiviti (merujuk kepada penilaian secara subjektif) dan kebolehgunaan.
- Instrumen yang diadaptasi atau menggunakan instrumen sedia ada perlu melalui :
- Proses pembudayaan, contohnya instrumen yang diambil dari luar negara perlu disesuaikan dengan sosio budaya tempatan.

- Proses penterjemahan perlu melalui kesahan muka (pengesahan pakar bahasa dan pakar kandungan) dan terjemahan.
- Prosedur mengumpul data. Bagaimana data dikumpulkan, contohnya pengendalian soal selidik, mengumpul data di lapangan, proses temu bual dan pemerhatian.

#### **Prosedur Pengumpulan Data**

- Bagaimana pengkaji mengumpul data kajian.

#### **Kaedah/Teknik Menganalisis Data**

- Bagaimana data/maklumat diproses untuk menjawab objektif/persoalan/hipotesis kajian.
- Alat statistik dan perisian yang digunakan (jika ada).
- Pengekodan/Senarai semak.
- Contoh teknik analisis data: objektif pertama – deskriptif statistik; objektif kedua
- ujian t dan lain-lain.

#### **Rumusan (pilihan)**

- Merumus apa yang ditulis/dibincangkan dalam bab ini.

#### **3.4.1.4 BAB DAPATAN KAJIAN**

Bab ini mempersempahkan dan menganalisis data kajian. Dapatan keseluruhan dan analisis kajian boleh dibentangkan dalam bentuk jadual, rajah dan pernyataan bagi membolehkan penemuan penting dikemukakan. Dapatan kajian juga boleh ditulis lebih daripada satu bab. Bahagian ini perlu disusun menurut hierarki soalan kajian bagi menunjukkan bahawa semua soalan telah terjawab.

#### **3.4.1.5 BAB PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Bab ini membincangkan dapatan kajian dengan mengaitkan teori-teori dan kajian lampau yang dibincangkan dalam bab literatur. Sebaiknya, perbincangan dapatan kajian ditulis mengikut susunan objektif atau soalan kajian. Dapatan kajian ini perlu dibincangkan secara kritikal bagi melambangkan kesarjanaan sesuatu kajian yang dijalankan. Penemuan kajian disimpulkan selari dengan soalan kajian. Kajian juga boleh mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang kajian perlu dinyatakan. Cadangan kajian untuk masa hadapan juga perlu dimasukkan dalam bab ini.

### **3.4.2 Rujukan Dalam Teks**

Semua maklumat dan idea yang dipetik daripada sesuatu sumber hendaklah dicatatkan dalam teks. Calon dibenarkan menggunakan mana-mana gaya yang digunakan dalam jurnal yang berwibawa bersesuaian dengan bidang kajian. Contoh kaedah penulisan rujukan dalam teks yang menggunakan stail *American Psychological Association* (APA) adalah seperti berikut:

(a) **Kaedah Menulis Nota Rujukan Bagi Bahan Yang Diambil Daripada Buku**

Apabila menggunakan sistem ini, rujukan dalam teks hendaklah ditulis atas nama utama pengarang sahaja (tanpa nama ringkasannya) seperti berikut:

- i. Meletakkan tahun terbitan dalam kurungan selepas nama pengarang yang dirujuk. Contohnya:

“Menurut Brown (2005), salah satu faktor yang menyebabkan guru pendidikan khas meninggalkan bidang tersebut ialah kerana kurang menerima pengiktirafan”.

